



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PPP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 15 OKTOBER 2025



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KPDN rekod 3,344 kes pelbagai operasi

Kuala Lumpur: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) merekodkan 3,344 kes membabitkan kompaun dan denda berjumlah RM414,125 dalam pelbagai operasi sepanjang tempoh 13 Oktober 2024 hingga Ahad lalu (12 Oktober).

Timbalan Menteri berkenaan **Datuk Dr Fuziah Salleh** berkata, sebanyak 721,248 pemeriksaan sepanjang rangkaian bekalan dijalankan di seluruh negara menerusi Ops Pantau,

Ops kesan dan Skim Harga Maksimum Musim Peraan, selain pemantauan terhadap harga di premis-premis perniagaan bagi tempoh 12 bulan terbabit.

“Tindakan penguatkuasaan mengikut Akta Kawalan Harga dan Anti Penjualan 2011 ini berjaya membendung kenaikan harga mendadak bagi barangan keperluan utama dan memastikan bekalan mencukupi termasuk yang melibatkan permintaan

tinggi semasa musim perayaan,” katanya.

Beliau menjawab soalan **Datuk Idris Ahmad (PN-Bagan Serai)** berkenaan mekanisme pemantauan harga barangan keperluan asas di peringkat nasional, statistik tindakan penguatkuasaan termasuk jumlah pemeriksaan dan denda yang telah dikeluarkan bagi tempoh 12 bulan terakhir pada sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat, semalam. - Bernama

More choosing chicken over mutton this Deepavali

By R. SEKARAN, SARBAN SINGH and VENESA DEVI
newsdesk@thestar.com.my

GEORGE TOWN: More families are turning to chicken instead of mutton for their Deepavali dishes this year, to save on expenses and for health reasons too. Traders say younger consumers are now more mindful of what they eat, with many opting for lean meat this festive season.

At Chowrasta Market, butcher Habibullah Ismail, 75, said sales have slowed compared with previous years.

"Last year, I sold about 300kg of mutton over the Deepavali week. I don't think I will reach that figure again," added the butcher who has been selling mutton for 50 years.

He said most of his regular customers are older and they stick to mutton due to tradition.

Mutton supplier J. Ganesh, 47, said the shift started a few years ago. "I sold 250kg of mutton in 2023 and 170kg in 2024, with orders so far this year only reaching 120kg," he added.

He said customers were cutting down on red meat for health reasons, with chicken seen as a cleaner, leaner option.

Ganesh added that the switch also helps families manage their budgets. "Chicken is priced at about RM10 per kg, while local mutton can reach RM65 per kg and RM45 for imported cuts," he said.

Chicken trader Nasir Kalam, 34, is expecting a busier festive week. "Last year, I sold about 220 birds. This time, I am expecting to sell over 300," he said, adding that supply and pricing remained stable.

In SEREMBAN, senior state exco member Datuk Seri



Healthier choice:

Chickens, like those sold at Chowrasta market in George Town, Penang, seem to be a more popular choice this Deepavali due to cost-saving measures and for health reasons. — ZHAFFARAN NASIB/The Star.

Jalaluddin Alias said the supply of chicken, mutton and coconuts for Deepavali was sufficient.

The state agriculture, food security and cost of living committee chairman said there will be an additional supply of up to 30 metric tonnes of chicken and five metric tonnes of mutton on a daily basis.

He added that since Deepavali will be celebrated over a long weekend, the authorities have also asked suppliers to provide an additional 40 metric tonnes of

beef on a daily basis.

In JOHOR BARU, the supply of mutton and chicken also remained stable.

Johor Indian Petty Traders and Small Business Association chairman D. Ravindran said demand for chicken and mutton had started to rise.

"For now, our members do not have any issues with supplies, and we do not see signs of problems arising over the next few days," he said.

Econsave Cash & Carry Sdn Bhd

(Econsave) general manager Mas Imran Adam said a spike in demand was expected from this weekend.

"Besides coconut, mutton and chicken, demand for potatoes, garlic and onions is also usually high during Deepavali," he said.

Johor Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN) director Lilis Saslinda Pornomo said consumers who experienced shortages of essential items during the festive season should report to the ministry.

RM100 Sara aid for 22m M'sians in 2026

Hayati Dzulkifli

KOTA KINABALU:

Around 22 million Malaysians aged 18 and above, particularly from the low- and middle-income groups, will continue to receive RM100 in "Sumbangan Asas Rahmah" (Sara) aid through their MyKad to purchase groceries and essential items at thousands of retail outlets nationwide by next year.

Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Armizan Mohd Ali (pic) said the continuation of the aid was announced during the recent tabling of the 2026 National Budget, including the Sumbangan Tunai Rahmah (STR) cash assistance.

He said both targeted aid mechanisms are part of the Madani Government's cost-of-living support initiatives aimed at easing the financial burden of Malaysians.

"Under 2026 National Budget, the Madani Government will continue the STR and Sara programmes with a total



allocation of RM15 billion, including RM2 billion to provide RM100 in Sara assistance to 22 million Malaysians.

"Starting January 2026, all STR recipients will also receive monthly Sara aid of up to RM100, or RM1,200 a year.

"For STR recipients under the e-Kasih programme, the amount will be increased to RM200 per month (total RM2,400 annually), while single individuals will receive RM50 per month (RM600 annually)," Armizan said.

He said these measures reaffirm the government's resolve to improve the welfare of Malaysians and reduce cost-of-living pressures through more effective and targeted approaches.

"This reflects the Madani Government's ongoing effort to uphold fairness and inclusivity by channelling assistance and subsidies to those most affected by economic challenges," Armizan said after launching 2025 Deepavali Festive Season Maximum Price Scheme here on Monday.

He said KPDN views the 2026 National Budget tabled recently, as a significant

step in strengthening the government's targeted subsidy reform agenda under the Madani administration, shifting from broad-based subsidies to targeted financial assistance.

"These examples include the cash aid through STR and Sara aimed to reach out to the target group of B40 and M40," he said. He said the Federal Government first introduced cash assistance in 2012, with eligible recipients receiving up to RM500 annually, and a total allocation of RM2.6 billion.

However, beginning 2023, under the Madani Government, Armizan said these programmes were enhanced and expanded through STR and Sara, covering the B40 (low-income), lower M40 (middle-income), senior citizens, and single individuals.

In addition, he said the assistance rates have been increased based on eligibility categories, with the highest amount reaching RM4,600 annually for households earning below RM2,500 per month and having five dependent children.



受惠华裔家庭获赠月饼后合影

山打根贸消部： 屠妖节违规抬价商家将面临重罚



山打根贸消部宣布屠妖节前后的行动。

(山打根十四日讯) 山打根贸消部在将来临的屠妖节前，执行市场巡视，确保物价稳定和经营管理的顺利合法进行。

屠妖节将在本月 20 日登场，贸消部将于 10 月 16 日至 22 日实施期间最高价格计划管制，实施期为 7 天，即节前 4 天、节中 1 天和节后 2 天。

今年，该计划将管控 9 种商品，而 2024 年屠妖节期间最高价格计划则管控 8 种商品。今年新增的商品种类是印度小葱，涉及的商品如下：(1) 进口去骨羊肉；(2) 番茄；(3) 红辣椒；(4) 印度小葱；(5) 印度小葱 (Ros)；(6) 进口大葱；(7) 扁豆 (澳大利亚)；

(8) 椰子 (仅限批发层面的最高价格)；以及

(9) 椰蓉 (仅限零售层面的最高价格)。

此次在 2025 年屠妖节期间实施的 SHMMP 符合当前形势，旨在为消费者和商家创造双赢的局面。

消费者可以享受合理的价格，而商家也不会因为实施期过长而感到压力。

1

除了供求、当前成本、天气

和工资率等因素外，商品清单、最高价格水平和实施期的确定还参考了战略合作伙伴的意见，例如农业和粮食安全部 (KPKM)、政府机构和业内人士。KPDN 也始终与 KPKM 合作，确保在整个计划实施期间，管制商品的供应充足。

政府希望各方都能遵守这些既定价格，并对受价格管制的商品使用粉色标签。对于不遵守该计划规定的商家，政府将采取严厉措施。根据《2011 年正义与和平法案》，

任何违反该法案的商家将受到以下处罚：

(i) 以超过最高价格出售价格管制商品的罪行；

(a) 个人；可处以最高 10 万令吉罚款或不超过三年监禁。(11)





KPDN laksana SHMMP Deepavali 2025

KOTA KINABALU: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan melaksanakan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) deepavali 2025 berkuat kuasa dari 16 hingga 22 Oktober 2025 menjelang sambutan perayaan Deepavali 2025 pada 20 Oktober tahun ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, tempoh pelaksanaan SHMMP ialah selama tujuh hari, iaitu empat hari sebelum perayaan, satu hari semasa perayaan dan dua hari selepas perayaan.

"Bagi tahun ini, sebanyak sembilan jenis barangan akan dikawal di bawah Skim ini, berbanding lapan jenis barangan pada SHMMP Deepavali 2024.

Jenis barangan yang ditambah untuk tahun ini adalah bawang merah kecil India (Ros). Sementara barangan yang terlibat ialah daging kambing biri-biri bertulang import, tomato, cili merah, bawang merah kecil India, bawang merah besar import, kacang dal (Australia), kelapa biji (harga maksimum di peringkat borong sahaja) dan kelapa parut (harga maksimum di peringkat runcit sahaja)," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyempurnakan majlis pelancaran pelaksanaan SHMMP sempena sambutan perayaan Deepavali 2025 di SICC hari ini.

Armizan berkata, pelaksanaan SHMMP Deepavali 2025 kali ini adalah bersesuaian mengikut keadaan semasa, iaitu mewujudkan suasana menang-menang kepada pengguna dan peniaga. Pengguna dapat menikmati harga yang berpatutan dan peniaga pula tidak tertekan dengan tempoh masa pelaksanaan yang terlalu lama.

Katanya, selain faktor-faktor seperti permintaan serta penawaran, kos semasa, cuaca dan kadar upah, penentuan senarai barangan, paras harga maksimum dan tempoh pelaksanaan dibuat dengan mengambil kira pandangan daripada rakan strategik seperti Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), agensi-agensi Kerajaan dan pemain-pemain industri.

"KPDN juga sentiasa menjalinkan kerjasama dengan KPKM bagi memastikan bekalan barangan yang dikawal adalah mencukupi sepanjang tempoh pelaksanaan skim," katanya.

Armizan berkata, SHMMP Deepavali 2025 akan dikuatkuasakan melalui Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 dan membolehkan penentuan harga dibuat. Harga mak-

simum yang telah ditetapkan untuk SHMMP Deepavali 2025 di peringkat pemborong dan peruncit boleh disemak melalui laman web KPDN di www.kpdn.gov.my.

Katanya, pegawai-pegawai Penguat Kuasa KPDN di seluruh negara akan ditugaskan di lokasi-lokasi strategik seperti di pasar awam, pasar tani dan pusat membeli-belah barangan keperluan perayaan sepanjang tempoh Skim bagi memastikan kepatuhan peniaga kepada perundangan berkaitan.

"Pada masa yang sama, penguatkuasaan secara berhemah dilaksanakan dengan memberi pendidikan, nasihat dan amaran supaya para peniaga mematuhi undang-undang yang berkuat kuasa dan mengamalkan yang beretika.

"Kerajaan berharap semua pihak dapat mematuhi harga-harga yang telah ditetapkan ini dan menggunakan label merah jambu bagi barangan yang dikawal harganya," katanya.

Armizan berkata, tindakan tegas akan diambil terhadap peniaga yang gagal mematuhi peraturan-peraturan di bawah skim ini. Di bawah AKHAP 2011.

Katanya, mana-mana peniaga yang melakukan kesalahan boleh dikenakan penalti melebihi harga Kesalahan menjual barangan harga terkawal maksimum.

"Dimana individu boleh didenda oleh mahkamah sehingga RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya atau dikompau sehingga RM50,000, dan syarikat, boleh didenda sehingga RM500,000 atau dikompau sehingga RM250,000; kesalahan gagal meletakkan tanda harga berwarna merah jambu bagi barangan harga terkawal.

"Individu; boleh didenda oleh mahkamah sehingga RM10,000 atau dikompau sehingga RM5,000; dan syarikat boleh didenda sehingga RM20,000 atau dikompau sehingga RM10,000," katanya.

Katanya, KPDN juga melaksanakan beberapa program khusus yang terkait dengan ikhtiar kos sara hidup. Antaranya Program Jualan Rahmah MADANI (PJRM) Deepavali dan Program Servis Ihsan MADANI@Petronas AutoExpert (SIM@PAX).

Orang ramai boleh menyemak takwim pelaksanaan PJRM Deepavali 2025 di laman web KPDN. Manakala, tempahan temujanji tarikh serta lokasi servis kenderaan SIM@PAX boleh dibuat melalui aplikasi "SETEL" oleh Petronas. Terdapat 94 buah premis bengkel di seluruh negara yang terlibat dalam pelaksan-

aan SIM@PAX sempena Deepavali bermula 5 hingga 19 Oktober 2025

KPDN meminta kerjasama orang ramai untuk memaklumkan sebarang aduan yang lengkap melalui saluran berikut: WhatsApp 019-848 8000; Call Centre 1-800-886-800; E-mel e-aduan@kpdn.gov.my; dan Aplikasi Telefon Pintar Ez ADU KPDN.

Sementara itu, Armizan berkata, KPDN melihat Belanjawan 2026 yang dibentangkan baru-baru ini sebagai pengukuhan kepada agenda reformasi yang digerakkan oleh Kerajaan MADANI daripada pemberian subsidi secara pukal kepada pemberian subsidi secara bersasar.

Sebagai contoh, katanya pemberian bantuan tunai melalui Sumbangan Tunai. RAHMAH (STR) dan bantuan sara hidup untuk membeli barangan keperluan melalui Sumbangan Asas RAHMAH (SARA).

Katanya, inisiatif pemberian bantuan tunai ini pada asalnya telah dimulakan oleh Kerajaan Persekutuan pada tahun 2012. Pada peringkat awal pelaksanaan program khusus bantuan tunai tersebut, jumlah maksimum diberikan kepada penerima yang layak adalah RM500 setahun dengan peruntukan keseluruhan sebanyak RM2.6 bilion.

Namun, katanya bermula tahun 2023 di bawah pentadbiran Kerajaan MADANI, program bantuan tunai telah diperkukuhkan melalui program Sumbangan Tunai RAHMAH (STR) dan Sumbangan Asas RAHMAH (SARA).

"Ini termasuk peluasan kategori penerima, merangkumi golongan B40, M40 rendah, warga emas serta bujang. Selain itu, kadar bantuan juga telah ditingkatkan mengikut kategori dengan jumlah tertinggi iaitu RM4,600 setahun diterima oleh isi rumah yang berpendapatan di bawah RM2,500 sebulan dengan tanggungan 5 orang anak," katanya.

Armizan berkata, dalam pembentangan Belanjawan 2026, Kerajaan MADANI akan meneruskan pemberian STR dan SARA dengan peruntukan sebanyak RM15 bilion. Ini termasuk peruntukan sebanyak RM2 bilion kepada 22 juta rakyat berusia 18 tahun ke atas yang akan menerima sebanyak RM100 melalui pemberian SARA untuk semua.

"Bermula Januari 2026, semua penerima STR akan turut menerima SARA bulanan sehingga RM100 sebulan atau RM1,200 setahun. Bagi penerima STR di bawah program e-kasih, bantuan SARA akan ditingkatkan kepada sehingga RM200 sebulan atau RM2,400 setahun. Manakala, penerima kategori bujang turut menerima SARA RM50 sebulan atau RM600 setahun," katanya.





A KPDN Miri enforcement officer shows the LPG cylinders at the premises.

KPDN team raids Tudan premises allegedly selling overpriced LPG tanks

MIRI: The local enforcement team of the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) recently raided a premises in Tudan here, suspected of selling liquefied petroleum gas (LPG) tanks.

The operation was mounted following a public tip-off, said KPDN Miri in a statement.

"The complainant alleged that the premises sold LPG tanks – a controlled item – at a price exceeding the maximum retail ceiling.

"The public complaint went viral on Facebook.

"The operation was done under Section 11 of the Price Control

and Anti-Profiteering Act 2011," it added.

KPDN Miri also reminded traders to strictly comply with the regulations set by the authorities, and to always uphold ethical business practices.

It also called upon the public to be their 'eyes and ears' by reporting any information or complaints regarding unethical business activities.

"They can contact our Consumer Complaints WhatsApp via 019-848 8000, or via eaduan.kpdn.gov.my, or reach out to our call centre via 1-900-886-800, or go mobile via the app EZ ADU KPDN," said KPDN Miri.

Sembilan barang disenaraikan di bawah SHMMP Deepavali 2025

MIRI: Sebanyak sembilan jenis barang telah disenaraikan di bawah Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Deepavali 2025 bagi kawasan Miri dan Marudi yang berkuat kuasa selama tujuh hari bermula 16 hingga 22 Oktober ini.

Barangan tersebut terdiri daripada daging kambing biri-biri import bertulang yang dijual pada harga borong RM28 sekilogram (kg) dan RM30/kg (harga runcit), tomato RM6/RM7, cili merah RM15/RM17, kelapa biji (borong) RM2 dan kelapa parut (runcit sahaja) RM9.

Turut disenaraikan adalah bawang merah kecil India yang dijual pada harga borong RM5/kg dan runcit RM7/kg; bawang merah kecil India (ros) RM4/RM6, bawang merah besar import RM3.50/RM4.50 dan kacang dal (Australia) RM4/RM5.

Sehubungan itu, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN) mengingatkan semua peniaga supaya tidak menjual melebihi harga maksimum yang ditetapkan, meletakkan tanda harga merah jambu bagi barangan kawalan serta memastikan alat timbang dan sukatan yang digunakan telah ditentusahkan.

Tindakan tegas akan diambil terhadap mana-mana pihak yang melanggar peraturan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011, termasuk denda sehingga RM100,000 atau penjara hingga tiga tahun bagi individu manakala syarikat boleh didenda sehingga RM500,000.

Orang ramai yang mempunyai aduan boleh menghubungi Hotline KPDN 1-800-886-800, menghantar mesej melalui WhatsApp 019-8488000, atau membuat aduan secara dalam talian di www.kpdn.gov.my.



◀执法人员检查商舖的货品出售收据，确认是否存在违规行为。（照片取自国内贸易及生活费美里分局脸书专页）

▼国内贸易及生活费美里分局（KPDN Miri）对美里杜当区一家涉嫌以高于补贴液化石油气（LPG）最高零售价的价格出售液化石油气的商舖，展开执法检查。（照片取自国内贸易及生活费美里分局脸书专页）

煤氣超出頂價商店被查 社媒廣傳 內貿局關注



（美里14日讯）国内贸易及生活费美里分局（KPDN Miri）在脸书专页发文表示，近日已派出执法人员对一家涉嫌销售管制商品，即液化石油气（LPG），且价格高于补贴液化石油气最高零售价的商舖，进行调查。

由于民众的投诉在脸书上广泛传播，国内贸易及生活费美里

分局积极采取行动，根据“2011年价格控制及反暴利法令”（Akta Kawalan Harga Dan Antipencatutan 2011），对美里杜当区一家商舖展开执法检查。

国内贸易及生活费美里分局提醒，所有商家需遵守相关法规，践行道德的商业行为。同时也呼吁民众可积极举报或投诉商家不当的商

业行为，以提高当局的执法效率。

民众可通过以下渠道进行举报或投诉：

1. WhatsApp: <http://wa.me/60198488000>
2. 投诉网站：
eaduan.kpdn.gov.my
3. 客服中心联络号码：1-800-886-800
4. 手机应用程序：Ez ADU KPDN。



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

UMUM



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Budi95 bukti kerajaan prihatin bajet rakyat

Oleh **NUR ALWANI ZAFIRAH**
KHAIRUL

PETALING JAYA – Inisiatif Program Budi Madani RON95 (Budi95) yang berkuat kuasa sepenuhnya sejak 30 September lalu merupakan langkah baharu kerajaan dalam melaksanakan subsidi petrol bersasar bagi memastikan bantuan kerajaan disalurkan kepada golongan yang benar-benar memerlukan.

Melalui pelaksanaan program ini, subsidi petrol RON95 hanya dinikmati oleh rakyat Malaysia yang layak, sekali gus mengelakkan ketirisan dan penyalahgunaan subsidi oleh pihak tidak sepatutnya.

Program ini juga dilihat sebagai usaha kerajaan meringankan beban kos sara hidup rakyat, di samping memastikan pengurusan fiskal negara lebih mampan melalui penyaluran subsidi yang lebih adil, tepat dan berkesan.

Pengarah Program Sarjana Penadbiran Perniagaan, Putra Business School (PBS), Prof Dr. Ahmed Razman Abdul Latiff berkata, program Budi95 mencerminkan semangat 'tiada siapa tertinggal' dengan memastikan setiap rakyat Malaysia tanpa mengira latar belakang menerima manfaat secara adil dan bersasar.

Beliau menyifatkan langkah yang dibuat Kerajaan Madani ini memberi manfaat besar buat rakyat khususnya golongan B40 dan M40, selain memperkukuh daya tahan ekonomi negara.

"Jika dalam sesebuah isi rumah terdapat suami isteri yang memiliki lesen memandu dan MyKad, mereka boleh menikmati subsidi petrol sehingga 600 liter sebulan pada harga RM1.99. Ini akan meringankan beban kewangan bulanan keluarga B40 dan M40," katanya ketika dihubungi Kosmo! di sini baru-baru ini.

Beliau berkata, penjimatan subsidi dianggarkan RM8 bilion setahun hasil penyasaran semula ini boleh dimanfaatkan bagi memperkukuh bantuan sosial sedia ada seperti Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan Sumbangan Asas Rahmah (Sara).

Menurut Ahmed Razman, langkah ini juga berpotensi meningkatkan kuasa beli pengguna dan seterusnya merangsang aktiviti ekonomi domestik apabila rakyat mempunyai lebihan tunai untuk dibelanjakan.

"Apabila rakyat mempunyai kuasa beli, ekonomi dalaman akan berputar.

"Peniaga kecil mendapat manfaat, peruncit tempatan berkembang dan akhirnya kerajaan mem-

peroleh pulangan melalui cukai serta pertumbuhan KDNK (Keluaran Dalam Negara Kasar) yang lebih kukuh," jelasnya.

Mengulas mengenai kebimbangan terhadap inflasi, beliau menegaskan kadar inflasi dijangka kekal terkawal dengan penguatkuasaan berterusan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

"Kesan negatif kenaikan inflasi dijangka minimum kerana syarikat besar tidak lagi menikmati subsidi. Harga barang dijangka kekal stabil kerana KPDN akan memantau rapat harga barangan di pasaran," katanya.

Menyentuh sektor pengangkutan

dan logistik, Ahmed Razman menjelaskan bahawa meskipun terdapat segelintir pemain industri yang mungkin terkesan dengan rasionalisasi subsidi bahan api, kerajaan telah melaksanakan pelbagai langkah mitigasi bagi memastikan kestabilan kos operasi sektor berkenaan.

Terdahulu, Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan memaklumkan bahawa petrol RON95 akan terus dijual pada kadar bersubsidi RM2.05 seliter bagi kenderaan komersial yang layak, melibatkan sembilan kategori pengangkutan awam dan 12 sektor logistik

melalui pengguna fleet card dalam rangka Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS).

Beliau berkata, kadar itu adalah enam sen lebih tinggi berbanding harga untuk pengguna awam iaitu RM1.99 seliter, namun masih jauh lebih rendah berbanding harga pasaran tanpa subsidi.

Dari sudut makro ekonomi, beliau menjelaskan keputusan kerajaan ini memberikan isyarat positif kepada pelabur asing, kerana ia menunjukkan kesungguhan kerajaan menyeimbangkan antara kebajikan rakyat dan kestabilan fiskal negara.

"Pelabur melihat kestabilan dasar fiskal sebagai tanda kematangan ekonomi. Ia memberi keyakinan bahawa Malaysia komited terhadap reformasi struktur tanpa mengabaikan kesejahteraan sosial," jelasnya.

Tambah beliau, pertumbuhan ekonomi negara dijangka kekal positif tahun ini hasil gabungan pelaksanaan Budi95 dan penurunan harga bahan api yang meningkatkan aktiviti perdagangan, pelancongan dan pasaran domestik.

Ahmed Razman turut menekankan keperluan kerajaan dalam memastikan subsidi bahan api dalam negara kekal mampan.

"Kerajaan boleh mengekalkan harga RON95 pada tahap mampu milik dengan meningkatkan hasil negara agar subsidi Budi95 dapat dikekalkan tanpa menjejaskan kedudukan fiskal. Strategi jangka panjang mestilah memastikan bantuan ini disasarkan kepada mereka yang memerlukan," katanya.

Tambahnya, langkah penyasaran subsidi Budi95 ini sekali gus memandakan usaha kerajaan menyeimbangkan keperluan rakyat dengan pengurusan fiskal negara selain memastikan setiap ringgit subsidi dimanfaatkan secara optimum.



HARGA minyak RM1.99 seliter masih dikira rendah berbanding kadar pasaran. – GAMBAR HIASAN

AHMED RAZMAN

KERAJAAN perlu komited menguatkuasakan garis panduan untuk memastikan subsidi Budi95 disasar dan dimanfaatkan oleh golongan yang benar-benar memerlukan. – GAMBAR HIASAN



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN & AGENSI



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 15 OKTOBER 2025

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
15-Oct	850 pegawai pemantau KPDN pantau harga di 2,170 premis	https://www.suarakeadilan.my/post/850-pegawai-pemantau-kpdn-pantau-harga-di-2-170-premis	SUARA KEADILAN
15-Oct	KPDN perketat pemantauan SHMMP, fokus pengedar dan peruncit	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kpdn-perketat-pemantauan-shmmp,-fokus-pengedar-dan-peruncit	BERITA RTM
15-Oct	Skim Harga Maksimum Deepavali 2025 dilaksana 16-22 Oktober di Miri dan Marudi	https://utusanarawak.com.my/skim-harga-maksimum-deepavali-2025-dilaksana-16-22-oktober-di-miri-dan-marudi/	UTUSAN SARAWAK
15-Oct	Deepavali: 9 barangan di bawah kawalan harga	https://www.dailyexpress.com.my/news/268450/deepavali-9-barangan-di-bawah-kawalan-harga/	DAILY EXPRESS
15-Oct	Deepavali: 9 items under price control	https://www.dailyexpress.com.my/news/268420/deepavali-9-items-under-price-control/	DAILY EXPRESS
15-Oct	Price Control on Essential Items Ahead of Deepavali, Says Minister	https://varnam.my/111115/price-control-on-essential-items-ahead-of-deepavali-says-minister/	VARNAM
15-Oct	MyCC gagal rayuan terakhir saman Grab RM86.77 juta	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/10/mycc-gagal-rayuan-terakhir-saman-grab-rm86-77-juta/	UTUSAN MALAYSIA
15-Oct	Shopee lancar pakej RM50 juta Rai Lokal bantu PMKS tempatan	https://www.sinarharian.com.my/article/752496/bisnes/shopee-lancar-pakej-rm50-juta-rai-lokal-bantu-pmks-tempatan	SINAR HARIAN
15-Oct	Lebih 700,000 pemeriksaan dijalankan, KPDN pastikan harga barangan kekal stabil	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/lebih-700,000-pemeriksaan-dijalankan,-kpdn-pastikan-harga-barangan-kekal-stabil	BERITA RTM